

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 20 MAC 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1141-L7445
Dr. Junaidy bin Abd. Wahab [Batu Pahat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah bantuan atau sumbangan bagi mangsa-mangsa banjir yang telah diterima dan bagaimanakah bantuan ini diagihkan kepada mangsa-mangsa yang terbabit terutamanya di Johor dan Pahang.
2. PR-1141-L8333
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan projek yang berjaya dan yang gagal sejak 1990 meliputi MRR2 Kepong. Apakah kos sebenar MRR2 Kepong termasuk pembaikan keretakannya, bilangan dan nama pakar perunding yang dilantik dan bayaran yang dikenakan.
3. PR-1141-L7172
Datuk Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan :-
 - (a) adakah Kerajaan akan membuat kajian kepada skala gaji pegawai polis berlandaskan kelulusan dan kecemerlangan perkhidmatan bukan berdasarkan pangkat dan sistem upah tetap seperti sekarang; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang mempertingkatkan sistem latihan dan pendekatan kepimpinan polis pada masa kini untuk mengikiskan prinsip "Saya tuan, kamu rakyat biasa kepada masyarakat".

4. PR-1141-L7090
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan satu laporan perkembangan tentang janji-janji pembaharuannya untuk tempoh 40 bulan yang lepas dengan menyatakan sebab-sebab kegagalan/kepincangannya dan bagaimana beliau dapat memulih keyakinan rakyat Malaysia yang kecewa dengan kegagalannya menunaikan agenda-agenda pembaharuannya.
5. PR-1141-L7156
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ke atas pengiklan-pengiklan yang menyalahgunakan Bahasa Kebangsaan.
6. PR-1141-L7098
Dato' Raja Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar [Larut] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh mana tahap keselamatan persempadanan di negara ini, terutama di sempadan Thailand berikutan insiden letupan bom tangan yang mencederakan beberapa anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).
7. PR-1141-L8280
Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sikap Kerajaan dan O.I.C. terhadap
 - (a) penglibatan NATO, terutama sekali Amerika Syarikat di Afghanistan; dan
 - (b) penambahan tentera Amerika Syarikat baru-baru ini dalam peperangan yang tidak mendapat restu daripada Bangsa-Bangsa Bersatu, di Iraq.
8. PR-1141-L7619
Dato' Chua Jui Meng [Bakri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kita berada dalam landasan untuk mencapai kedudukan negara maju memandangkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan berbanding dengan tahun-tahun awal Wawasan 2020. Apakah kayu ukuran dan "milestones" pencapaian kita dalam haluan kedudukan negara maju.
9. PR-1141-L7819
Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status pengiktirafan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Tionghua dari dua universiti terkemuka di Republik Rakyat China iaitu Qinghua University dan Beijing University. Adakah kerja-kerja pengiktirafan diperluaskan kepada kursus-kursus lain termasuk bidang perubatan dan kejuruteraan.

10. PR-1141-L7467
Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) apakah status laporan mengenai Dasar Wanita Nasional yang diserahkan kepada pakar perunding swasta; dan
 - (b) mengapakah kandungan laporan yang dikeluarkan oleh pakar perunding mengenai Dasar Wanita Nasional diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi.
11. PR-1141-L8283
Tuan Devamany A/L S. Krishnasamy [Cameron Highlands] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru-guru terlatih di SJK (T) dan SJK (C); dan
 - (b) jumlah peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi menaik taraf dan membina semula sekolah-sekolah rendah bantuan modal kerajaan mengikut aliran sekolah, bilangan sekolah dan nama sekolah-sekolah yang terlibat.
12. PR-1141-L7015
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapa lamakah masa yang diperlukan untuk memproses permohonan bagi mendapatkan kewarganegaraan Malaysia kepada penduduk luar negara yang berkahwin dengan orang tempatan dan adakah Kementerian bercadang untuk meringkaskan serta mempercepatkan proses permohonan tersebut.
13. PR-1141-L7305
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-
- (a) jumlah rampasan alat ganti kereta tiruan pada tahun 2004, 2005 dan 2006; dan
 - (b) adakah pemilik bengkel kereta diwajibkan berdaftar dengan KPDNHEP.
14. PR-1141-L8105
Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan kewarganegaraan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di seluruh negara sejak tahun 2000 yang ditangkap dan diusir balik ke negara asal mereka. Berapakah yang dikesan kembali ke Sabah secara sah atau sebaliknya.

15. PR-1141-L7335
Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menguruskan fenomena pemanasan global (global warming). Adakah garis panduan (blue print) telah dirancang dalam menguruskan masalah ini mengikut peraturan dalam protokol Kyoto dan adakah bond, cukai dan galakan disediakan untuk mengendalikan fenomena ini.
16. PR-1141-L7163
Dato' Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah jumlah sasaran Kerajaan telah dicapai terhadap pemilikan harta Bumiputera di bandar.
17. PR-1141-L7878
Dato' Dr. Wan Hashim Bin Wan Teh [Gerik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil pertemuan Perdana Menteri dengan pemimpin kumpulan agama bukan Islam serta dengan pemimpin pertubuhan agama Islam secara berasingan di Putrajaya baru-baru ini.
18. PR-1141-L7150
Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bagaimana Kementerian menangani masalah kenderaan lama seperti lori, bas, kereta dan motosikal yang mengeluarkan asap hitam dan putih agar pencemaran udara dapat dikurangkan.
19. PR-1141-L8198
Tuan Mohd. Daud Bin Haji Tarihep [Kuala Selangor] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian ingin mencadangkan agar Kerajaan membentuk sebuah jawatankuasa bersepadu di peringkat akar umbi yang diketuai oleh Kementerian ini dan dianggotai oleh pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi iaitu bagi mempercepatkan lagi pembangunan kawasan luar bandar.
20. PR-1141-L8006
Tuan Haji Ismail Bin Noh [Pasir Mas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi melindungi negara dari dilanda banjir besar khususnya negeri-negeri yang terdedah dengan banjir.
21. PR-1141-L7029
Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kedudukan permohonan peruntukan RM 1.9 juta dari Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk kerja-kerja naik taraf dan pembaikan di Pasar Awam Taman Chai Leng, Perai.

22. PR-1141-L7920
Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) ini masih berleluasa dan boleh dianggap sebagai "duri dalam daging", terutama sekali di negeri Sabah dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk membanteras dan seterusnya mengatasi masalah ini.
23. PR-1141-L7495
Tuan Jelaing Anak Mersat [Saratok] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan setakat ini apakah langkah-langkah yang diambil untuk memberi peluang supaya bahasa Bumiputera lain seperti Bahasa Iban diguna pakai dalam program-program televisyen Malaysia.
24. PR-1141-L7783
Dato' Hashim Bin Jahaya [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes-kes kecurian besi/logam bagi kabel, wayar, peralatan telekomunikasi dan prasarana awam yang terkini dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.
25. PR-1141-L8445
Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
- (a) sasaran-sasaran Kementerian sempena Tahun Melawat Malaysia 2007; dan
 - (b) program-program yang dirancangkan untuk menjamin kejayaannya.
26. PR-1141-L7418
Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapa keputusan MUET baru-baru ini agak mengecewakan sedangkan pembelajaran Bahasa Inggeris sudah bermula sejak peringkat tadika di negara ini.
27. PR-1141-L7698
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan menyenaraikan jumlah kutipan tol, kos penyelenggaraan bulanan dan kos pembinaan setiap lebuhraya yang diswastakan sejak lebuhraya berkenaan mula digunakan sehingga tahun-tahun yang akan datang.
28. PR-1141-L7895
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan hasil siasatan kes kemalangan yang melibatkan kereta peronda polis dan meragut nyawa Chan Kam Weng di Jalan Lahat dan nyatakan sama ada pihak yang terlibat akan didakwa di mahkamah, jika tidak mengapa dan jika ya, bila.

29. PR-1141-L7978
Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai lengkap kesemua projek kerajaan yang diluluskan di bawah RMK-9 kepada Ahli-ahli Parlimen.
30. PR-1141-L7568
Datuk Rosli Bin Mat Hasan [Dungun] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pekerja warga Indonesia, Filipina dan Thailand yang masih terdapat di Malaysia pada tahun 2006 dan nyatakan langkah seterusnya akan diambil bagi mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing di Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.
31. PR-1141-L7558
Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil agar dapat mencapai lebih banyak kemenangan dalam Sukan Olimpik (Olympic Games) pada masa akan datang.
32. PR-1141-L7965
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan untuk setiap Ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah dipohon dan dikeluarkan sama ada bagi projek kecil atau besar dengan meliputi sumbangan untuk badan-badan tempatan, peruntukan untuk pusat perkhidmatan Parlimen seperti pembelian peralatan dan ubah suai pejabat, gaji/elaun pembantu mereka, belanja majlis keraian dan perayaan serta lawatan luar negara bagi tahun 2004 hingga 2006.
33. PR-1141-L7182
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan perkembangan terbaru mengenai "Operasi Potong Api" TNB menangani masalah pengurangan caj akibat pengusikan meter dan apakah Kerajaan akan mengkaji semula Akta Bekalan Elektrik untuk membolehkan pengguna mencabar TNB di mahkamah tanpa diputuskan bekalan elektrik serta-merta.
34. PR-1141-L8368
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kedudukan perundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dengan Amerika Syarikat sekarang.
35. PR-1141-L7636
Dato' Ghazali Bin Ibrahim [Padang Terap] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah bentuk-bentuk kempen yang telah dijalankan untuk menangani masalah sosial pelajar. Sejauh manakah keberkesanan kempen yang dilaksanakan di kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah.

36. PR-1141-L7056
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) jumlah pesakit HIV/AIDS dalam negara mengikut pecahan tahun dan negeri; dan
 - (b) berapa jumlah kes baru yang dikesan dan jumlah kematian setiap hari dan berapa jumlah kos perubatan bagi setiap pesakit sehari.
37. PR-1141-L8391
Puan Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini penghuni mangsa perang yang masih menetap di Kawasan Penempatan Pelarian di Kinarut iaitu pemegang kad IMM13 termasuk gambar terkini kawasan tersebut dan nyatakan tarikh terakhir jumlah penghuni di penempatan tersebut dikemas kini.
38. PR-1141-L8456
Tuan Lim Hock Seng [Bagan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan siapakah kontraktor yang membina jambatan Sungai Perai (bahagian BORR) dan dikenakan tindakan denda Liquidated Ascertained Damages (LAD). Berapakah jumlah dendanya dan sama ada ia telah muktamad.
39. PR-1141-L8044
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan matlamat utama memperkenalkan modul hubungan etnik dalam kurikulum untuk pelajar IPTA dan mengapakah peristiwa bersejarah 13 Mei 1969 dan peranan parti politik pada ketika itu tidak di masukkan atau dijelaskan dalam kandungannya.
40. PR-1141-L8273
Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah kualiti air yang dibekalkan ke Kawasan Parlimen Subang memuaskan dan apakah rancangan Kementerian memastikan kualiti air yang dibekalkan bertambah baik.
41. PR-1141-L7817
Dato' Abdul Rahman Bin Ariffin [Jerlun] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) adakah kajian dibuat bagi mendapat maklum balas keberkesanan hari persekolahan ganti yang sedang dilaksanakan; dan
 - (b) adakah murid-murid mendapat manfaat maksimum dari hari persekolahan ganti ini.

42. PR-1141-L8133
Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan standard graduan perubatan IPTS adalah setaraf dengan graduan perubatan IPTA memandangkan kemudahan IPTS adalah kurang jika dibandingkan dengan IPTA dan nisbah di antara pensyarah dan pelajar adalah besar.
43. PR-1141-L7436
Datuk Haji Mat Yasir Bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bolehkah Kalender Aktiviti Belia yang mengandungi aktiviti bulanan di peringkat daerah dan negeri dari segi sukan dan permainan dikongsikan bersama untuk pemantapan bersama sebagai agenda pencelahan penting di kalangan belia yang menganggur.
44. PR-1141-L8142
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebabnya kadar jenayah masih bertambah dengan mendadak bagi tiga tahun kebelakangan ini walaupun Operasi Anakonda, Operasi Vipers dan banyak lagi operasi telah dijalankan. Apakah operasi-operasi ini tidak berkesan. Apakah pendekatan baru untuk menurunkan kes jenayah dan mencegahnya daripada berlaku.
45. PR-1141-L7661
Dr. Mohamed Hayati Bin Othman [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kutipan yang dapat dipungut untuk mangsa banjir di selatan tanah air baru-baru ini kepada Kerajaan mengikut negeri, swasta, GLC dan jumlah agihan yang telah diberikan kepada mangsa, serta jumlah mangsa terlibat.
46. PR-1141-L7087
Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan benarkah fenomena El-Nino akan menjejaskan bekalan air di Lembah Kelang di bulan Mac dan April tahun ini.
47. PR-1141-L7293
Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan tindakan yang telah diambil terhadap kakitangan awam mengikut agensi atau jabatan, dari segi tindakan pentadbiran dan tindakan perundangan yang melibatkan kes kecurian, disiplin, rasuah dan salah guna kuasa.
48. PR-1141-L7705
Dato' Firdaus bin Harun [Rembau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan Indeks Komposit di Bursa Saham Malaysia baru-baru ini dan apakah usaha yang perlu di lakukan supaya trend ini berterusan.

49. PR-1141-L7278
Dato' Paduka Badruddin Bin Amiruddin [Jerai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Sultanah Bahiyah, di Alor Star, Kedah dapat digunakan dan apakah sebab-sebab kelewatan tersebut boleh berlaku.
50. PR-1141-L8024
Tuan Jimmy Donald [Sri Aman] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab gelaran Tuan diguna pakai dalam Dewan Parlimen untuk Ahli-ahli Parlimen yang tidak ada gelaran lain dan sebab-sebab kerajaan tidak mempromosikan atau mempopularkan gelaran ini di luar Parlimen.
51. PR-1141-L7367
Tuan Syed Hood Bin Syed Edros Alhaj [Parit Sulong] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan rasional diwujudkan Akta Belia 2007 dan langkah-langkah kementerian dalam menjaga kebajikan dan pembangunan pertubuhan belia di negara ini.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

- * Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat pada mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri Keselamatan Dalam Negeri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

2. **YB. Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** akan mencadangkan:-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas.”

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 3. | (D.R. 25/2006) | Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2006 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 4. | (D.R. 44/2006) | Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006 | |
| 5. | (D.R. 27/2006) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006 | “ |
| 6. | (D.R. 28/2006) | Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)(Pindaan) 2006 | “ |
| 7. | (D.R. 30/2006) | Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2006 | “ |

- | | | | |
|-----|----------------|--|-------------------------------|
| 8. | (D.R. 33/2006) | Rang Undang-undang Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 9. | (D.R. 38/2006) | Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006 | “ |
| 10. | (D.R. 37/2006) | Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006 | “ |
| 11. | (D.R. 36/2006) | Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006 | “ |
| 12. | (D.R. 39/2006) | Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006 | “ |
| 13. | (D.R. 52/2006) | Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006 | “ |

14. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“ Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 5(d) Akta Bank Pembangunan Islam 1975, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia membuat sumbangan kepada Poverty Alleviation Fund kepada Bank Pembangunan Islam (IDB) sebanyak US\$1,000,000”

15. PR-1141-U7096

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil maklum bahawa sejak kebelakangan ini, kegiatan Ah Long semakin menjadi-jadi sehinggakan terdapat kes yang melibatkan kes ugutan yang serius, bunuh dan bunuh diri sekeluarga. Dan mengambil maklum bahawa kegiatan Ah long ini berlaku kerana ada permintaan di kalangan para peminjam sama ada bagi tujuan berniaga, berjudi atau apa sahaja alasan yang diketahui oleh peminjam itu sendiri, selagi ada permintaan, selagi itu kegiatan Ah long amat sukar dibendung. Dan mengambil maklum bahawa cadangan Polis Diraja Malaysia supaya peminjam daripada Ah long juga didakwa di mahkamah bagi menghindarkan peminjam daripada meminjam daripada Ah long. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggubal undang-undang baru ataupun menguatkuasakan undang-undang sedia ada bagi menjadikan peminjam bertanggungjawab atau boleh diheret atau didakwa di mahkamah sebagaimana Ah long didakwa. Dengan adanya peruntukan undang-undang untuk mendakwa peminjam, maka kegiatan Ah long akan dapat dikurangkan sekiranya tidak dapat dihapuskan sama sekali."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

16. PR-1141-U7097

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil maklum bahawa selaras dengan rancangan Kerajaan untuk menjadikan Badan Angkatan Sukarela (Rela) sebagai salah satu badan pelindung masyarakat dan negara. Dan mengambil maklum bahawa Rela juga terlibat dalam aktiviti penguatkuasaan seperti aktiviti mengesan pendatang asing tanpa izin, menyertai PBT untuk penguatkuasaan menjalankan rondaan keselamatan kampung dan sebagainya. Dan mengambil maklum bahawa kelengkapan pakaian seragam dan latihan yang diberikan pada ketika ini kurang memadai. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membekalkan pihak Rela pakaian seragam yang lengkap dan latihan ala tentera bagi setiap ahli Rela."

(Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri)

17. PR-1141-U7325

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari suatu pelan tindakan pragmatik untuk menggalak, memupuk persefahaman dan hubungan harmoni yang lebih erat di kalangan rakyat berbilang kaum perlu bermula dari sektor awam, sesuai dengan slogan kepimpinan melalui teladan; Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak institusi pentadbiran Kerajaan mengkaji semula kaedah dan sistem pengambilan kakitangan perkhidmatan awam mencerminkan komposisi kaum di negara ini dan sasaran pengambilan adalah juga untuk menggalakkan integrasi nasional di setiap agensi awam."

(Perdana Menteri)

18. PR-1141-U7326

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil iktibar tentang perlunya Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan 23 langkah yang digariskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mewujudkan 'bandar selamat'; Menyedari hakikat bahawa masih terdapat lebih daripada 60% PBT dalam negara yang masih gagal melaksanakan 23 langkah berkenaan; Maka dengan itu Dewan ini mengambil ketetapan agar PBT yang gagal atau belum melaksanakan 23 langkah berkenaan tidak layak menukar statusnya ke taraf perbandaran atau bandar raya."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

19. PR-1141-U7327

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa tujuan sistem kontraktor yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk meringankan beban Kerajaan, mempercepatkan proses pelaksanaan projek-projek dan merangsang aktiviti serta pertumbuhan sektor ekonomi yang 'vibrant'; Dewan ini menyedari hakikat bahawa sehingga kini, masih wujudnya kelemahan dan kekurangan dalam sistem kontraktor yang dijalankan, terutamanya kekurangan pemantauan pelaksanaan dan pengagihan kontrak yang berasaskan keupayaan serta kebolehan; Maka dengan ini Dewan ini mendesak institusi pentadbiran Kerajaan supaya mengkaji semula sistem kontraktor yang diadakan sekarang dan menubuhkan satu badan yang bebas untuk membuat pemantauan terhadap sistem ini."

(Menteri Kewangan)

20. PR-1141-U7328

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini melahirkan rasa penuh keyakinan dan pengiktirafan ke atas prestasi baik yang ditunjukkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), untuk mengurus hal ehwal agama Islam, sebagai agama persekutuan, seperti termaktub oleh Perlembagaan Persekutuan, Bahawa Dewan ini menyedari hakikat bahawa agama-agama yang dianuti oleh kira-kira 40% rakyat Malaysia yang bukan beragama Islam juga menghadapi pelbagai cabaran yang bersangkutan paut dengan pemupukan akidah serta mengerjakan ibadat agama mereka; Bahawa Dewan ini menerima baik pembelaan Kerajaan terhadap kebajikan rakyat tanpa mengira kepercayaan dan agama, dan menerima hakikat bahawa kerohanian rakyat semakin tercabar dengan ledakan teknologi maklumat yang terlalu meluap-luap, di samping kewujudan anasir-anasir yang menjatuhkan moral dan akhlak rakyat; Bahawa Dewan ini menyahut dan menyokong seruan YAB Dato' Seri Perdana Menteri, bersama-sama membela rakyat dan membina rakyat Malaysia demi memantapkan usaha pembangunan modal insan negara kita; Maka dengan ini Dewan ini membuat resolusi agar sebuah agensi Kerajaan ditubuhkan untuk mengurus hal ehwal agama-agama lain di negara kita. "

(Perdana Menteri)

21. PR-1141-U7329

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan keprihatinan di atas kesulitan dan beban yang ditanggung oleh rakyat akibat kenaikan bayaran tol lebuhraya-lebuhraya dalam negara; Menyedari hakikat bahawa wujudnya keraguan dan kekeliruan tentang isi kandungan, terma dan syarat dalam perjanjian konsesi lebuhraya bertol; di samping hak pengguna untuk mengetahui justifikasi sebenar kenaikan bayaran tol; Dewan ini mengambil maklum akan usaha YAB Perdana Menteri untuk mewujudkan institusi pentadbiran Kerajaan yang telus, berintegriti dan mempunyai akauntabiliti yang tinggi; Maka dengan ini Dewan ini membuat resolusi bersetuju institusi pentadbiran Kerajaan menghapuskan keraguan dan kekeliruan tersebut sekali gus dengan mengubah status (declassify) dokumen perjanjian konsesi lebuhraya bertol, membolehkannya diteliti umum dan sekiranya perlu, terma dan syarat perjanjian dikaji semula."

(Perdana Menteri)

22. PR-1141-U7330

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan keprihatinan di atas kesulitan dan beban hidup rakyat jelata akibat kenaikan harga petrol kerana penurunan subsidi di negara kita pada awal tahun 2006. Menyedari bahawa harga petroleum di pasaran dunia telah menurun, maka dengan ini membuat ketetapan supaya harga petrol dan diesel dalam negara diturunkan."

(Menteri Kewangan)

23. PR-1141-U7331

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil iktibar bahawa negara kita masih kekurangan anggota dalam profesion kedokteran, pergigian dan farmasi. Pada masa yang sama, Dewan ini menyedari bahawa Kerajaan menanggung perbelanjaan yang tinggi apabila menawar dan menaja ramai pelajar ke luar negeri untuk melanjutkan pengajian mereka dalam bidang-bidang berkaitan; Maka dengan ini Dewan ini membuat resolusi agar langkah-langkah diambil untuk menambah enrolmen dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi di IPTA dan IPTS tempatan."

(Menteri Pengajian Tinggi)

24. PR-1141-U7332
Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini melahirkan rasa penuh keyakinan dan pengiktirafan ke atas keupayaan, kebolehan, ketekunan dan kesungguhan golongan OKU untuk menjalani kehidupan yang berjaya; menyedari tafsiran OKU sebagai Orang Kurang Upaya mempunyai konotasi negatif, sikap putus asa dan kurang motivasi; maka dengan ini Dewan mengambil ketetapan agar OKU ditafsirkan sebagai Orang Kuatkan Upaya di samping institusi pentadbiran Kerajaan membuat perancangan untuk memperkasakan OKU."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

25. PR-1141-U7333
Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini melahirkan rasa kesal terhadap kelemahan-kelemahan logistik dan masalah pengangkutan yang berulang semasa pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), mengakibatkan sebahagian pelatih Kumpulan 1 Siri 4/2007 PLKN yang sepatutnya melaporkan diri di kem pada hari pertama terpaksa pulang, manakala beribu-ribu lagi terkandas di beberapa lokasi 'pick up' dan lapangan terbang; Bahawa Dewan ini menyedari perlunya tindakan tegas diambil terhadap pegawai yang bertanggungjawab dalam penilaian dan perlantikan kontraktor serta kontraktor pengangkutan yang gagal menunaikan syarat-syarat kontrak. Bahawa Dewan ini juga mengambil keputusan untuk mendesak pihak kementerian berkenaan mengkaji semula kaedah dan sistem pengambilan kontraktor perkhidmatan pengangkutan PLKN supaya isu ketidakcukupan kenderaan, ketiadaan permit perjalanan, 'roadworthiness' kenderaan dan lebih-lebih lagi budaya kontraktor 'sub' dan sub-sub' dapat diatasi."

(Menteri Pertahanan)

26. PR-1141-U7763
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang"

(Perdana Menteri)

27. PR-1141-U7765

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

28. PR-1141-U7767

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar"

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

29. PR-1141-U7773

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Dunia Pertama"

(Perdana Menteri)

30. PR-1141-U7776

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)"

(Menteri Keselamatan Dalam Negeri)

31. PR-1141-U7779

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Dewan bersetuju dan mendesak Kerajaan memulihkan semula pilihanraya kerajaan tempatan seluruh negara, termasuk Wilayah Persekutuan memandangkan kelemahan sistem pentadbiran majlis kerajaan tempatan sedia ada yang memudahkan berlaku penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, ketiadaan akauntabiliti kepada rakyat sejak akhir-akhir ini serta sistem pelantikan dan giliran ahli majlis yang tidak berkesan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

32. PR-1141-U7780

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Dewan bersetuju Kerajaan menubuhkan Muzium Kapitan Yap Ah Loy, peneroka Bandar Kuala Lumpur, bagi menghargai sumbangan mendiang membuka dan membangunkan Bandar Kuala Lumpur sehingga kini menjadi ibu negara dan Bandaraya."

(Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

33. PR-1141-U8114

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan dengan ini menyedari kepentingan dokumen individu rakyat Malaysia yang dimilikinya sepanjang hayat. Dokumen seperti Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan seharusnya dicatat dengan sepenuh dan sebenarnya maklumat peribadi tanpa diragui. Contohnya agama, suku kaum dan jantina. Sino-Native di Sabah tidak menyentuh suku kaum seseorang itu dan seharusnya diperbetulkan dengan segera."

(Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri)

34. PR-1141-U8115

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar pesalah-pesalah yang membuang sampah dan mencemarkan sungai-sungai yang akan membawa pencemaran kepada sungai dan lautan kita dijatuhkan hukuman yang berat dan Kerajaan akan memperketatkan undang-undang yang dapat menjamin kebersihan udara dan persekitaran."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

35. PR-1141-U8116
Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincang dan mengambil ketetapan agar dasar untuk pembinaan bangunan khususnya bagi perumahan sebelum direka bentuk dan dilaksanakan haruslah diutamakan penyediaan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air dan bekalan elektrik yang mencukupi. Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) haruslah mengambil ketetapan yang serius mengenai kemudahan asas ini dan bukan hanya membebankan agensi lain serta bakal penghuninya."

(Menteri Kewangan)

36. PR-1141-U8263
Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum Pendatang Asing yang mempunyai Kad-Kad Pengenalan, malah sudah ada Mykad yang dicurigai. Dan mengambil maklum bahawa, bilangan mereka ini adalah besar (menurut dakwaan Encik Mutalib M.D sampai lebih 300,000) Dan menyedari bahawa kewujudan Mykad yang dicurigai ini secara langsung menggugat integriti Pentadbiran Kerajaan. Dan ekoran daripada penerbitan buku Projek IC: Agenda Tersembunyi Mahathir oleh Encik Mutalib M.D yang dijual kepada wakil-wakil Rakyat dengan harga RM 1,000 sebuah. Maka Dewan ini hendaklah membahas dan seterusnya membuat ketetapan meminta kerajaan membuat penyiasatan tentang kesahihan setiap dakwaan yang telah dimuatkan dalam buku tersebut terutama sekali dakwaan kononnya wujud apa yang dipanggil Projek IC."

(Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri)

37. PR-1141-U8274
Datuk Madius Bin Tangau [Tuaran] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum terdapat lebih 5,000 km panjang jalan-jalan raya JKR negeri di seluruh Sabah mendesak dinaik tarafkan dengan cara mengaspal. Dan mengambil maklum kerajaan telah menetapkan tahun 2020 sebagai tahun di mana Malaysia akan mencapai status negara maju, sementara negeri Sabah pula telah menetapkan tahun 2015 sebagai tahun di mana Sabah akan mencapai status negeri maju. Dan mengambil maklum kos untuk menaik taraf jalan-jalan raya JKR negeri sehingga berturap dalam standard R1 adalah lebih kurang RM1juta sekilometer, maka kerajaan perlu memberi peruntukan sebanyak lebih RM5 bilion kepada negeri Sabah dalam tempoh 2007 hingga 2015. Maka dengan itu Dewan ini hendaklah membuat ketetapan untuk meminta kerajaan supaya memberi peruntukan sekurang-kurangnya RM1 bilion dalam setahun mulai tahun 2007 hingga tahun 2015."

(Perdana Menteri)

38. PR-1141-U8372

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan projek-projek Kerajaan sejak 1990 untuk mengetahui bilangan yang berjaya dan yang gagal serta sebab-musababnya termasuk MRR2, Kepong. Dewan juga akan membincangkan bilangan kontrak yang dilaksanakan sejak 1990 oleh kontraktor bumiputera dan peratusan ketirisan kepada kaum lain serta faktor-faktor ketirisannya."

(Perdana Menteri)

39. PR-1141-U8375

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil berat keadaan penjenayah serius di negara ini termasuk kematian Mendiang Datuk Albert Mah. Bahawa Dewan ini hendak mengetahui langkah-langkah yang berkesan yang telah diambil oleh polis untuk mengatasi penjenayah ini. Bahawa Dewan juga akan mendebatkan tahap pelaksanaan penambahan 60,000 anggota polis berbilang kaum yang diluluskan oleh Kabinet serta 10 teras strategik Suruhanjaya Diraja untuk menambah baikkan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia."

(Menteri Keselamatan Dalam Negeri)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.1	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	20 Mac 2007
ST.2	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	20 Mac 2007